

TIMOLOL-POS EYE DROPS

Timolol Maleate (0.5% w/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apa kegunaan Timolol-POS
2. Bagaimana Timolol-POS berfungsi
3. Sebelum menggunakan Timolol-POS
4. Cara menggunakan Timolol-POS
5. Semasa menggunakan Timolol-POS
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Timolol-POS
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apa kegunaan Timolol-POS

Timolol-POS digunakan untuk rawatan gangguan mata yang disebabkan oleh peningkatan tekanan pada mata seperti glaukoma.

Bagaimana Timolol-POS berfungsi

Timolol-POS mengandungi timolol maleate yang tergolong dalam kelas ubat yang dikenali sebagai beta-blocker. Ubat ini mengurangkan tekanan tinggi dalam mata dengan mengurangkan cecair di mata.

Sebelum menggunakan Timolol-POS

-Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Timolol-POS jika anda:

- Alah kepada timolol maleate, beta-blocker atau sebarang bahan lain di dalam produk ini.
- Mengalami:-
 - kesukaran bernafas termasuk asma
 - masalah jantung
 - rinitis alergi yang teruk, sejenis alahan hidung
 - gangguan nutrisi yang melibatkan kornea.

-Sebelum menggunakan Timolol-POS

Berunding dengan doktor anda sebelum menggunakan Timolol-POS jika anda ada atau pernah ada masalah perubatan .

Berunding dengan doktor jika anda hamil atau menyusukan bayi.

Apabila Timolol-POS digunakan oleh ibu seurus sebelum melahirkan anak, degupan jantung yang perlahan, tahap glukosa darah rendah dan kesukaran bernafas mungkin berlaku pada bayi baru lahir. Oleh itu, bayi yang baru lahir harus diperhatikan dengan teliti selama beberapa hari selepas lahir.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Timolol-POS boleh mempengaruhi atau dipengaruhi oleh ubat lain yang anda gunakan. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan ubat-ubat ini:

- ubat mata yang mengandungi adrenalin atau pilocarpine
- calcium channel blocker atau beta blocker untuk tekanan darah tinggi.

Cara menggunakan Timolol-POS

-Berapa banyak harus digunakan

Dos biasa adalah 1 titis dua kali sehari.

-Bila perlu digunakan

Gunakan dua kali sehari atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Timolol-POS biasanya merupakan rawatan jangka panjang. Anda hanya boleh menghentikan rawatan atau mengubah dos rawatans sekiranya diarahkan oleh doktor anda.

Penggunaan pada kanak-kanak & remaja: Keselamatan dan keberkesanan dalam kanak-kanak belum ditentukan.

- Buka penutup botol.
- Dongakkan kepala anda ke belakang, terbalikkan botol dan perlahan-lahan picitkan satu titisan ke permukaan kelopak mata bawah yang terdedah dan elakkan sentuhan botol dengan mata atau kulit.
- Selepas penggunaan: Tutup mata anda selama lebih kurang (3-5minit)
- Tekankan satu jari di sudut dalam mata untuk mengelakkan penyerapan timolol ke seluruh badan.

-Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Gunakan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan penggunaan ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan gunakan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

-Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Segera hubungi doktor anda atau pergi ke Jabatan Kecemasan Hospital terdekat jika anda atau orang lain mungkin terlebih menggunakan ubat. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Penggunaan beta-blocker yang berlebihan pada mata boleh menyebabkan kesan sistemik yang teruk. Penggunaan berlebihan boleh menyebabkan tekanan darah yang sangat rendah, gangguan jantung,

TIMOLOL-POS EYE DROPS

Timolol Maleate (0.5% w/v)

kesukaran bernafas, muntah, kekeliruan atau kekejangan mungkin berlaku.

Semasa menggunakan Timolol-POS

- Perkara yang perlu dilakukan

Tanggalkan kanta lekap sebelum menggunakan ubat mata dan boleh letak balik 15 minit kemudian. Sila buat pemeriksaan mata secara berkala semasa rawatan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan hentikan penggunaan ubat ini selain dinasihati oleh doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Timolol-POS boleh menyebabkan penglihatan kabur selepas penggunaan. Jangan memandu atau menggunakan mesin sehingga penglihatan anda kembali normal.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Timolol-POS boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalaminya. Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda untuk maklumat lebih lanjut.

Seperti ubat lain yang dimasukkan ke dalam mata, timolol boleh diserap ke dalam darah. Ini boleh menyebabkan kesan sampingan yang serupa seperti ubat beta blocker yang lain walaupun kejadiannya lebih rendah dengan titisan mata. Kesan sampingan yang disenaraikan termasuk:

- Reaksi alergi (kebengkakkan kulit, ruam, dll).
- Pening, pengsan.
- Tanda dan gejala kerengsaan mata seperti kemerahan mata, mata kering atau penglihatan berganda.

- Kadar denyutan jantung yang perlahan, berdebar-debar, kegagalan fungsi jantung, degupan jantung tidak teratur.
- Tekanan darah rendah.
- Kesukaran bernafas.
- Keguguran rambut.
- Muntah.
- Lemah
- Khayalan

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Timolol-POS

- Penyimpanan

Jauhkan ubat ini daripada kanak-kanak.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada label dan kotak. Tarikh luput merujuk pada hari terakhir bulan itu.

Jangan simpan pada suhu lebih daripada 30°C.

Timolol-POS boleh digunakan sampai 4 minggu selepas botol telah dibuka.

- Pelupusan

Jangan melupuskan ubat melalui air buangan atau sampah isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak digunakan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Timolol-POS ialah ubat mata yang jernih dan tidak berwarna yang diisi dalam botol plastik 5ml. Setiap kotak mengandungi 1 botol plastik dengan penutup.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap ml mengandungi 6.84 mg timolol maleate (bersamaan dengan 5mg timolol)

- Bahan tidak aktif

Bahan-bahan lain ialah benzalkonium chloride (pengawet), sodium dihydrogen phosphate dodecahydrate, water for injections.

- Nombor MAL:

MAL19986455ACZ

Pengilang

Ursapharm Arzneimittel GmbH
Industriestraße
66129 Saarbrücken/ Germany

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte Malaysia Sdn Bhd
2, Jalan PJU 3/49
Sunway Damansara
47810 Petaling Jaya
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

- 2/12/2021

Nombor Siri

NPRA (R4/1)270821/00070